

MELAQUIN CREAM

Hydroquinone (40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MELAQUIN CREAM
2. Bagaimana MELAQUIN CREAM berfungsi
3. Sebelum mengambil MELAQUIN CREAM
4. Cara menggunakan MELAQUIN CREAM
5. Semasa menggunakan MELAQUIN CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MELAQUIN CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan MELAQUIN CREAM

MELAQUIN CREAM digunakan secara topikal sebagai ejen yang mengurangkan pigmen pada kulit dalam keadaan hiperpigmentasi seperti chloasma (melasma), tetua, dan *lentigines* (makula kecil yang menyerupai frekel).

Bagaimana MELAQUIN CREAM berfungsi

Penggunaan topikal hydroquinone mengurangkan pigmen berbalik pada kulit dengan perencatan proses pigmentasi enzimatik oleh tyrosin, mengurangkan pembentukan melanin. Ia mungkin mengambil masa beberapa minggu sebelum kesan jelas kelihatan tetapi pengurangan pigmen boleh berkekalan selama 2-6 bulan selepas pemberhentian.

Sebelum menggunakan MELAQUIN CREAM

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika diketahui hipersensitif kepada hydroquinone atau bahan lain yang terdapat di dalam produk ini.

-Sebelum menggunakan MELAQUIN CREAM

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

Mengandung dan menyusukan anak

Sila rujuk pada doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, jika anda menyusukan anak atau berhasrat untuk menyusukan anak sebelum menggunakan MELAQUIN CREAM.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan MELAQUIN CREAM

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada kulit.

-Bila perlu digunakan

Sapukan dua kali setiap hari pada kulit.

-Berapa lama perlu digunakan

Sapukan hendaklah dihentikan jika tidak ada penambahbaikan selepas 2 bulan dari tarikh penggunaan.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas dos MELAQUIN CREAM, ambil secepat mungkin. Jika ia menghampiri masa untuk dos seterusnya, langkau dos tertinggal dan kembali kepada jadual pengambilan dos biasa anda. Jangan menggandakan dos.

-Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Tiada sebarang reaksi sistemik dari penggunaan hydroquinone topikal. Walau bagaimanapun, rawatan perlu terhad kepada kawasan-kawasan yang kecil pada badan pada satu masa kerana sesetengah orang mengalami kemerahan kulit sementara dan merasa pedih yang ringan.

Semasa menggunakan MELAQUIN CREAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Hydroquinone adalah ejen kulit pelunturan yang boleh menghasilkan kesan-kesan kosmetik yang tidak diingini jika tidak digunakan seperti diarahkan. Ujian sensitiviti kulit sebelum menggunakan produk ini dengan sapukan jumlah yang kecil pada kulit normal dan periksa dalam masa 24 jam.

Kemerahan minor bukan kontraindikasi, tetapi jika terdapat gatal-gatal atau pembentukan vesikel atau tindak balas keradangan yang melampau, rawatan lanjut adalah tidak digalakkan.

Kepekatan yang tinggi atau penggunaan yang berpanjangan boleh menyebabkan hiperpigmentasi berlaku terutamanya pada kawasan kulit yang terdedah dengan cahaya matahari.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan dari pancaran matahari. Berhenti menggunakan jika berlaku iritasi kulit.

Produk ini tidak boleh digunakan pada kulit yang terlelas atau terbakar.

Ia juga tidak boleh digunakan pada bulu mata atau kening dan untuk penggunaan pada mata perlu dielakkan kerana ia boleh menghasilkan perwarnaan dan kelegapan kornea.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Tanya doktor atau ahli farmasi anda sekiranya akan digunakan pada kanak-kanak (umur 12 tahun ke bawah).

Penggunaan hydroquinone secara topikal oleh wanita yang mengandung hanya boleh digunakan sekiranya ianya jelas dinyatakan. Langkah berjaga perlu diambil untuk penggunaan wanita yang menyusukan anak.

Kesan-kesan sampingan

Tiada kesan sampingan sistemik telah dilaporkan. Kadang-kala hipersensitiviti telah berlaku. *Ochronosis* (penguningan kulit) biasanya menjadi jelas selepas kira-kira 6 bulan penggunaan hydroquinone dan, mungkin tidak dapat dipulihkan. Perubahan warna coklat berbalik pada kuku juga telah dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan MELAQUIN CREAM

-Penyimpanan

Simpan di dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda memberitahu untuk berhenti menggunakan MELAQUIN CREAM atau ubat ini telah luput tarikh, sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih ke kekuningan.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Hydroquinone

-Bahan tidak aktif

Emulsifying wax
Dimethylpolysiloxane
Butylated Hydroxyanisole
Butylated Hydroxytoluene
Stearyl Alcohol
Stearic Acid
Purified Water
Methyl Paraben
Titanium Dioxide
Transcutol
POE Monostearate
Propyl Paraben
Sodium Metabilsufite
Miglyol
Propylene Glycol

-Nombor MAL

MAL10080052AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/10/2025

Nombor Siri

BPFK(R4/1)240216/00058